



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 JANUARI 2018 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Polis siasat kes culik pelajar

20



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2018 (SELASA)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Polis siasat kes culik pelajar
Muka Surat	20

Polis siasat kes culik pelajar

Mangsa dakwa diculik dua individu ketika menunggu bas di Taman Pandan Indah

SfH m/s 20 16/1/2018



Mangsa yang juga pelajar tingkatan satu mendakwa diculik dua individu, Jumaat lalu.

AMPANG - Polis sedang menyiasat kes seorang pelajar lelaki tingkatan satu sebuah sekolah menengah yang mendakwa dirinya cuba diculik dua individu yang menaiki van berwarna putih, di sini, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias berkata, pihaknya telah menerima laporan berhubung kes itu.

"Bagaimanapun, kita belum

pasti kesahihan cerita yang diberikan oleh mangsa. Kita masih siasat dan setakat ini tiada saksi dan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang boleh membantu siasatan," katanya.

Hamzah berkata, pihaknya juga akan menyiasat individu yang tular berkaitan kes tersebut.

"Ada yang tularikan kes itu di fahaman kenalan pengadu... dan kita akan siasat," katanya.

Terdahulu, mangsa mendakwa sedang menunggu bas



Lokasi yang didakwa berakunya cubaan menculik mangsa.

di perhentian bas di Taman Pandan Indah, sebelum ditarik masuk ke dalam kenderaan tersebut.

"Dalam van tu mangsa bertindak gigit tangan suspek.

"Rakan suspek yang tengah memandu dikatakan memberhentikan

van dan buka pintu. Mangsa tendang suspek sebelum berjaya melarikan diri dengan menaiki sebuah bas untuk ke sekolahnya."

katanya.

Katanya, mangsa telah maldumkan insiden itu kepada gurunya pada jam 5.30 petang. Kes disiasat mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan," katanya.

Sementara itu, Adun Cempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad menggesa pihak polis menjalankan siasatan terperinci berhubung kes itu.

Menurutnya, selain ronda-



ISKANDAR

an di kawasan yang berkenaan, polis juga diharap dapat menempatkan balai polis bergerak bagi mengelakkan kejadian sama berulang di masa akan datang.

"Saya gesa polis buat rondaan di kawasan tersebut supaya keselamatan

pelajar-pelajar sekolah terjamin. Walaupun cubaan culik gagal tetapi kita mungkin tidak berrasib baik di masa akan datang.

"Oleh itu saya juga gesa pihak polis sekiranya dapat meletakkan balai polis bergerak di kawasan tersebut atau sekurang-kurangnya meletakkan kereta peronda di kawasan berkenaan," katanya.

Iskandar yang juga Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar berkata demikian menerusi satu rakaman video pendek yang di-

muat naik kepada pihak media.